

GARIS PANDUAN PERMOHONAN CUTI SABATIKAL
(Berdasarkan Peraturan-Peraturan Cuti Sabatikal
Universiti Pendidikan Sultan Idris 2002)

1. Mukadimah

Cuti Sabatikal adalah bertujuan membolehkan seseorang kakitangan akademik (selepas ini disebut "Guru") meningkatkan penyelidikan ilmiah, kegiatan dan kelayakan professional serta pengalaman pengajaran di institusi-institusi pengajian tinggi lain dan menjalankan pengajian lanjutan.

2. Kelayakan Pemberian Cuti Sabatikal

(1) Seseorang guru layak dipertimbangkan Cuti Sabatikal bagi maksud mengikuti program tertentu selama tempoh berikut :

- (a) Tidak lebih daripada lima bulan lamanya, jika ia tetap genap perkhidmatan tiga tahun; atau
- (b) Tidak lebih daripada sembilan bulan lamanya, jika ia tetap genap perkhidmatan lima tahun.

(2) Cuti Sabatikal boleh diberi bagi maksud seperti dinyatakan berikut :-

- (a) Penyelidikan dalam bidang pengajian tertentu.
- (b) Lawatan untuk meningkatkan pengalaman profesional dan mendalami perkembangan dan kemajuan terbaru dalam sesuatu lapangan pengkhususan.
- (c) Pengajaran dan penyeliaan pelajar di institusi lain.
- (d) Pengajian lanjutan yang membawa kepada kelayakan profesional dan akademik lebih tinggi.

(3) Seseorang guru boleh diberi Cuti Sabatikal jika :-

- (a) Telah disahkan dalam jawatan;
- (b) Umurnya tidak melebihi:
 - (i) Lima puluh tiga tahun pada tarikh ia akan menghabiskan cuti sabatikalnya, sekiranya cuti itu diambil setelah genap perkhidmatan lima tahun; atau
 - (ii) Lima puluh empat tahun pada tarikh ia akan menghabiskan cuti sabatikalnya, sekiranya cuti itu diambil setelah genap perkhidmatan tiga tahun.

3. Peluputan Kelayakan Cuti Sabatikal

- (1) Jika seseorang guru itu tidak mengambil Cuti Sabatikalnya pada tarikh genap masa atau pada tarikh Cuti Sabatikal itu ditangguhkan, maka Cuti Sabatikal itu hendaklah disifatkan luput.
- (2) Apabila cuti sabatikal diberi kepada seseorang guru maka habislah digunakan kelayakannya untuk mendapat Cuti Sabatikal yang tertentu itu, walaupun tempoh Cuti Sabatikal yang diberi kepadanya adalah kurang daripada tempoh maksimum Cuti Sabatikal yang sepatutnya diberi kepadanya, tidak kira sama ada pemberian Cuti Sabatikal bagi tempoh yang kurang itu telah dibuat berikutan dengan permohonannya sendiri atau atas kehendak Universiti.

4. Kemudahan dan Faedah

- (1) Seseorang guru yang telah diberi Cuti Sabatikal akan dibayar Elaun Sara Hidup RM500.00, disamping gaji penuh bagi jawatan hakikinya untuk meliputi:
 - (a) Masa mengikuti program Cuti Sabatikal yang diluluskan.
 - (b) Masa dalam perjalanan ke tempat dan dari tempat program Cuti Sabatikal itu hendak dijalankan, melalui perjalanan yang paling dekat.
- (2) Seseorang guru yang telah diberi Cuti Sabatikal berkenaan dengan suatu program yang hendak dijalani di luar Malaysia akan :-
 - (a) Dibayar perbelanjaan perjalanan dan elaun bagi cuti tersebut mengikut apa-apa kadar yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa. Elaun dan tambang yang boleh dipertimbangkan ialah:-
 - (i) Elaun Sara Hidup (elaun mengikut kadar negara akan dibayar untuk program di luar negara tidak kurang dari empat (4) bulan).
 - (ii) Elaun Pakaian Panas RM1,500.00 (untuk negara yang beriklim sederhana dan dengan syarat tidak menerimanya dalam tiga (3) tahun usng lepas).
 - (iii) Elaun Buku RM500.00.
 - (iv) Elaun Akhir Pengajian – akan dibayar setelah menyempurnakan sembilan (9) bulan cuti sabatikal di luar negeri.
 - (v) Tambang perjalanan kapal terbang – mengikut tambang yang paling murah pergi dan balik dari Kuala Lumpur ke tempat program dijalankan.
 - (b) Dibayar balik premium insuran kesihatannya atau fee bagi Skim Kesihatan Negara atau Skim Kesihatan Pelajar-pelajar yang disertainya, selama tempoh cuti yang dihabiskan di luar Malaysia, tertakluk kepada apa-apa had yang ditetapkan oleh Universiti.

5. Bantuan Luar Berkenaan Cuti Sabatikal

- (1) Permohonan bagi mendapatkan bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga daripada mana-mana punca selain daripada Universiti berkenaan dengan program cuti sabbatical, hendaklah dibuat oleh seseorang guru hanya dengan kelulusan Universiti.
- (2) Seseorang guru yang menerima apa-apa bentuk bantuan kewangan atau apa-apa bantuan lain yang berharga daripada mana-mana punca selain daripada Universiti berkenaan dengan program cuti sabbatical hendaklah melaporkan kepada Universiti tentang bantuan yang diterima olehnya itu.
- (3) Jika seseorang guru menerima apa-apa bantuan kewangan atau apa-apa bentuk bantuan lain yang berharga berkenaan dengan program cuti sabbatical selain daripada mana-mana punca selain daripada Universiti, yuran perbelanjaan dan elaun yang biasanya kena dibayar kepada seseorang guru boleh dikurangkan sehingga setakat atau ditambahkan jika dia mendapat kurang daripada kelayakan, mengikut yang diputuskan oleh Universiti.

6. Had-had dan Syarat-syarat Perjanjian

- (1) Pemberian Cuti Sabbatical kepada seseorang guru adalah tertakluk kepada syarat bahawa guru itu hendaklah melaksanakan suatu perjanjian dengan dua orang penjamin, mengakujajani akan berkhidmat di Universiti selama tempoh :-
 - (a) Dua belas bulan dari tarikh ia melaporkan diri untuk bertugas sekembalinya dari Cuti Sabbatical (jika cuti itu diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan tiga tahun), atau bayaran balik gantirugi sebanyak RM20,000.00
 - (b) Dua puluh empat bulan dari tarikh ia melaporkan diri untuk bertugas sekembalinya dari Cuti Sabbatical (jika cuti itu diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan lima tahun), atau bayaran balik gantirugi sebanyak RM35,000.00

7. Permohonan Mendapatkan Cuti Sabbatical

Permohonan bagi mendapatkan cuti sabbatical :-

- (a) Hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan oleh Universiti;
- (b) Hendaklah menerangkan program cuti sabbatical yang dicadangkan itu dan menyatakan tempat atau tempat-tempat di mana program itu diikuti; dan
- (c) Hendaklah dimajukan kepada Pendaftar melalui Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan pemohon tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tarikh genapmasa dengan disertakan surat persetujuan agensi berkenaan.

8. Kelulusan Cuti Sabatikal

- (1) Timbalan Naib Canselor (Akademik) boleh meluluskan, mengubahsuai atau menolak permohonan itu selepas berunding dengan Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan pemohon.
- (2) Jika Cuti Sabatikal hendak diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan tiga tahun, Timbalan Naib Canselor (Akademik) hendaklah meluluskan hanya program yang akan dijalankan sepenuhnya di dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, Timbalan Naib Canselor (Akademik) boleh dalam keadaan khas dan jika difikirkannya patut berbuat demikian, meluluskan satu program yang akan dijalankan di luar Malaysia sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut budibicaranya.
- (3) Jika Cuti Sabatikal yang dipohon akan diambil sebaik sahaja genap perkhidmatan lima tahun, maka :-
 - (a) Jika kemudahan-kemudahan bagi program Cuti Sabatikal boleh didapati di dalam Malaysia dan juga di luar Malaysia, Timbalan Naib Canselor (Akademik) hendaklah menentukan sama ada program itu akan dijalani sepenuhnya atau sebahagiannya di luar Malaysia; dan
 - (b) Jika program Cuti Sabatikal dicadangkan akan dijalankan lebih daripada satu tempat, Timbalan Naib Canselor (Akademik) boleh dalam keadaan khas atau difikirkannya patut berbuat demikian meluluskan program tersebut.

9. Tanggungan Cuti Sabatikal

- (1) Seseorang guru hendaklah mengambil Cuti Sabatikal pada tarikh genap masa. Walau bagaimanapun seseorang guru boleh memohon atas sebab-sebab peribadi untuk menangguhkan Cuti Sabatikalnya ke suatu tarikh tidak lewat daripada dua belas (12) bulan selepas tarikh genap masa.
- (2) Naib Canselor boleh, dari masa ke semasa, atas sebab-sebab desakan perkhidmatan, menghendaki seseorang guru supaya menangguhkan mengambil cuti sabatikalnya untuk memastikan bahawa seseorang guru mengajar selama sekurang-kurangnya satu semester penuh dalam mana-mana tahun akademik. Dengan syarat bahawa, tanggungan Cuti Sabatikal seseorang guru tidak melebihi dua puluh empat (24) bulan selepas tarikh genap masa atau tarikh yang Cuti Sabatikal itu.
- (3) Walau bagaimanapun, Naib Canselor boleh, dengan persetujuan guru yang berkenaan, melanjutkan tempoh tanggungan yang tersebut tidak melebihi tiga puluh enam (36) bulan.